

21 OCT 2003

APEC-Senario/I

ISU PERDAGANGAN DI PINGGIRKAN PADA SIDANG APEC

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 21 Okt (Bernama) -- Sekalipun Presiden Amerika, George W. Bush nampak `menang' dalam usahanya membawa isu keselamatan ke persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini, namun beliau tetap turut mengheret sama isu berhubung ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pandangannya terhadap Yahudi.

Dengan mengangap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai sesuatu yang seharusnya dicela dan penuh kebencian, beliau berjaya mengalih perhatian media daripada isu tunggal berhubung ekonomi, yang seharusnya menjadi matlamat mesyuarat APEC.

Kedutaan Israel juga mengambil peluang pada mesyuarat hari ini untuk mengeluarkan satu kenyataan kepada lidah pengarang akhbar The Nation, dengan mengatakan bahawa ucapan Dr Mahathir pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 di Putrajaya, Malaysia baru-baru ini, sebagai tidak bermaruah.

Muka depan The Bangkok Post pula memaparkan temuramah eksklusif dengan Dr Mahathir, di mana beliau berkata kenyataannya pada sidang kemuncak OIC itu telah dilaporkan `luar dari konteks' asalnya.

Seorang pegawai perniagaan Amerika, di luar mesyuarat APEC baru-baru ini memberitahu Bernama bahawa Dr Mahathir adalah orang yang sentiasa meluahkan apa sahaja pandangannya tanpa berselindung.

"Tapi perniagaan (pusingan perniagaan) perlu cuba faham, bahawa ia bukan disebabkan beliau mempunyai pandangan yang tidak baik terhadap Amerika, tapi kerana beliau mempunyai kepercayaan penuh terhadap hala tuju negaranya," kata Ernest Z Bower, President Majlis Perniagaan Amerika-Asia.

Namun, apa yang Bush atau Amerika ingin katakan telah berjaya menjadi tajuk utama media di Bangkok.

Akhbar tempatan serta lain-lain media berita, yang pada mulanya melaporkan mengenai perdagangan dalam APEC, mesyuarat di Doha, dan usaha mencapai matlamat perdagangan yang pantas, kini beralih kepada melaporkan isu mengenai keselamatan dan bagaimana Bush menang dalam kempen anti keganasan.

APEC yang seharusnya menjadi forum untuk menangani isu perdagangan, kini bertukar menjadi mesyuarat mengenai keselamatan dengan Bush berjaya membawa isu mengenai peperangannya menentang keganasan ke sidang Kemuncak pemimpin APEC itu.

Draf pemimpin sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar tempatan, menyentuh hanya dua perkara mengenai perdagangan, untuk berusaha memberikan hasil kepada mesyuarat pertubuhan itu di Doha, dan untuk menjadikan agenda perdagangan APEC lebih menyokong Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Isu keselamatan bagaimanapun menjadi keutamaan, mengatasi isu perdagangan dengan draf itu mengetengahkan kepada perlunya usaha membentasi kumpulan penganas yang mengancam ekonomi APEC, menentang senjata pemusnah, mengawal sistem pertahanan udara mudah alih dan meningkatkan keselamatan tenaga.

Isu-isu lain dalam APEC jelas menghadapi jalan buntu walaupun ada nada kesal serta marah daripada beberapa negara Asia, terutama Malaysia, yang mahukan pertubuhan itu untuk kekal dengan isu perdagangan.

-- BERNAMA

SHO AZZ AZH